

PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN PERINGKAT BALAI
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

1. ACARA

Acara ini dinamakan *FIRE FIGHTER'S RELAY CHALLENGE*, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Mengenalpasti tahap kecekapan pegawai melalui lakuan kerja mengikut profil fizikal tugas sebagai seorang pegawai bomba.
- 2.2 Mengukur komponen kecergasan khusus taktikal kebombaanan yang melibatkan kekuatan (*strength*) dan daya tahan (*endurance*).

3. PENYERTAAN

- 3.1. Penyertaan adalah terbuka kepada Pegawai Bomba di seluruh Malaysia. Setiap negeri dibenarkan menghantar hanya satu pasukan dan hendaklah diwakili seramai 4 orang anggota iaitu terdiri daripada empat (4) Pegawai Bomba. Sekiranya peserta terdiri daripada Pegawai Bomba Wanita, peserta tersebut hendaklah dipastikan bebas daripada mengandung.
- 3.2. Semua peserta mesti memakai pakaian operasi pemadaman lengkap dan menyandang **serta memakai penuh alat pernafasan (bernafas dengan alat pernafasan)**.

4. PERATURAN PERTANDINGAN

- 4.1. Satu kumpulan empat peserta akan berganti-ganti sehingga lengkap empat acara.
- 4.2. Had umur peserta dan pegawai teknikal adalah mengikut ketetapan seperti berikut:
 - 4.2.1. **Setiap stesen peserta akan menempatkan alat pernafasan (diasingkan *facemask*, tabung serta *backplate*)**
 - 4.2.2. Stesen Fire Fit (P1): Peserta No.1
 - 4.2.3. Stesen Ladder (P2): Peserta No.2
 - 4.2.4. Stesen Tower (P3): Peserta No.3
 - 4.2.5. Stesen Hercules (P4): Peserta No.4
 - 4.2.6. Stesen Fire Fit (P1), Stesen Ladder (P2) & Safety Line:
Pegawai Teknikal
- 4.3. Semua peserta perlu memakai **pakaian lengkap operasi pemadaman** serta berada di garisan mula bagi stesen masing-masing di **P1 (*Firefit*), P2 (*Ladder*), P3 (*Tower*), dan P4 (*Hercules*)**.
- 4.4. Setelah pengadil meniup wisel mula, peserta pertama di P1 akan **memasang set alat pernafasan dan sandang serta pakai penuh alat pernafasan** kemudian meneruskan acara membentang dan sekaligus menggulung hos. Setelah selesai, peserta pertama perlu menekan loceng supaya peserta kedua di P2 dapat memulakan acara.
- 4.5. Setelah bendera hijau P1 di angkat, peserta kedua memulakan acara dengan **memasang set alat pernafasan dan sandang serta pakai penuh alat pernafasan** kemudian pegawai teknikal memasang tali keselamatan pada *full body harness* dan kemudian meletakkan hos yang dilipat secara *damver hose pack* ke atas BA peserta. Kemudian peserta kedua akan menaiki 40 anak tangga sehingga kedua-dua kaki berada pada anak tangga yang ke-40. Setelah siap, peserta perlu turun sehingga ke tanah dan pegawai teknikal akan menurunkan

hos dari atas BA peserta dan diletakkan di tanah. Seterusnya, pegawai teknikal perlu membuka tali keselamatan pada *full body harness* peserta. Selepas itu, peserta kedua perlu menekan loceng supaya peserta ketiga di P3 memulakan acara.

- 4.6. Setelah bendera hijau di P2 diangkat, peserta ketiga **memasang set alat pernafasan dan sandang serta pakai penuh alat pernafasan** kemudian perlu menarik tali yang diikat pada beban sehingga ketinggian 10 meter. Setelah penanda pada tali mencapai jarak 10 meter, peserta ketiga perlu menekan loceng supaya peserta ke empat di P4 memulakan acara.
- 4.7. Setelah bendera di P3 diangkat, peserta ke empat **memasang set alat pernafasan dan sandang serta pakai penuh alat pernafasan** kemudian perlu membawa beban seberat 40kg pada jarak 15 meter dan dua alat pemadam api pada jarak 30 meter. Setelah tamat, peserta ke empat perlu menekan loceng untuk menamatkan acara.

PERINGATANisyarat kecemasan 'FOR REAL' akan diberikan oleh PENGADIL atau PETUGAS sekiranya terdapat kecederaan sama ada kepadamangsa atau peserta, semua operasi atau pergerakan akan dihentikan.**

5. KELENGKAPAN ANGGOTA PASUKAN

- 5.1 Setiap peserta yang menyertai pertandingan hendaklah memakai:-
 - 5.1.1 Pakaian PPE yang digunakan adalah PPE yang telah dibekalkan oleh jabatan.
 - 5.1.2 Set Alat Pernafasan yang perlu disediakan ketika acara adalah jenis Drager PS90 yang berkapasiti **Kandungan udara > 80%** termasuk facemask.
 - 5.1.3 Setiap peserta perlu menggunakan PPE dan Set Alat Pernafasan individu yang tidak berkongsi.
 - 5.1.4 Setiap PPE yang digunakan perlu disemak oleh pengadil pertandingan

sebelum acara dimulakan.

5.1.5 Spesifikasi PPE dan Set Alat Pernafasan boleh dirujuk pada **Lampiran B.**

5.2 Pertandingan akan memakai peralatan:-

5.2.1 Peralatan yang digunakan perlu mengikut spesifikasi dari segi jenis, berat serta ukuran seperti yang telah digariskan di dalam garis panduan teknikal pertandingan.

5.2.2 Spesifikasi peralatan boleh dirujuk pada **Lampiran C.**

5.3 Spesifikasi tempat pertandingan adalah:-

5.3.1 Spesifikasi tempat harus menepati kriteria dan ukuran yang telah ditetapkan mengikut layout pertandingan pada garis panduan teknikal pertandingan.

5.3.2 Layout pertandingan boleh dirujuk pada **Lampiran A.**

5.3.3 **Jarak tambahan bagi pemasangan alat pernafasan adalah 1 meter dari setiap stesen**

6. FORMAT PENGADILAN

6.1 Masa dikira apabila airhorn dibunyikan sehingga peserta terakhir melepasi garisan penamat.

6.2 Ketelitian dan kesempurnaan dalam memastikan setiap gerak kerja yang dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan.

6.3 Jawatankuasa pengadilan akan menyediakan peralatan pengujian dan dibantu oleh Bahagian Latihan JBPM negeri yang terlibat.

6.4 Lokasi pengujian akan ditentukan oleh Bahagian Latihan dan Bahagian Operasi Kebombaan Dan Penyelamat Ibu Pejabat JBPM.

6.5 Sebarang kesalahan gerak kerja semasa pengujian, pengadil akan mengarahkan peserta/pasukan untuk mengulang semula pengujian di

checkpoint yang berkenaan. Penalti hanya akan dikenakan pada disiplin menaiki tangga (*ladder challenge*) sahaja dan kiraan masa pengujian tidak akan dihentikan.

- 6.6 Pemenang adalah ditentukan dengan kiraan masa terpantas setelah diambil kira penalti yang dikenakan.
- 6.7 Sekiranya terdapat pemenang bersama, **masa terpantas tanpa kiraan penalti** bagi sesuatu pasukan akan diterima sebagai pemenang.
- 6.8 Keputusan pengadil adalah muktamad.

LAMPIRAN 1

GERAK KERJA UNTUK KAWAD FIRE FIGHTER'S RELAY CHALLENGE

(P1 - FIRE FIT : PESERTA NO.1)

	
Semua peserta memakai pakaian operasi pemadaman lengkap dan menyandang alat pernafasan.	Peserta No.1 menunggu pada jarak 5 meter dari hos hantaran di belakang garisan permulaan dan bersedia bergerak ke hadapan untuk mengambil 1 gulung hos hantaran.
GERAK KERJA	
	
Setelah pengadil meniup wisel mula, peserta pertama di P1 akan membentangi dan sekaligus menggulung hos. Setelah selesai, peserta pertama perlu menekan loceng supaya peserta kedua di P2 dapat memulakan acara.	

GERAK KERJA UNTUK KAWAD FIRE FIGHTER LADDER CHALLENGE

(P2 - LADDER : PESERTA NO.2)

	
Kedudukan <i>extension ladder</i> yang disandarkan ke bangunan	Pegawai teknikal akan memasang <i>safety line</i> kepada peserta No.2.
GERAK KERJA	
	
Setelah bendera hijau P1 di angkat, peserta kedua memulakan acara dengan pegawai teknikal memasang tali keselamatan pada <i>full body harness</i> dan kemudian meletakkan hos yang dilipat secara <i>damver hose pack</i> ke atas BA peserta. Kemudian peserta kedua akan menaiki 40 anak tangga sehingga kedua-dua kaki berada pada anak tangga yang ke-40. Setelah siap, peserta perlu turun sehingga ke tanah dan pegawai teknikal akan menurunkan hos dari atas BA peserta dan diletakkan di tanah. Seterusnya, pegawai teknikal perlu membuka tali keselamatan pada <i>full body harness</i> peserta. Selepas itu, peserta kedua perlu menekan loceng supaya peserta ketiga di P3 memulakan acara.	

GERAK KERJA UNTUK KAWAD FIRE FIGHTER'S RELAY CHALLENGE

(P3 - TOWER : PESERTA NO.3)

	
Peserta ke 3 memakai pakaian operasi pemadaman lengkap dan menyandang alat pernafasan serta menunggu 5 meter di garisan permulaan sehingga bendera hijau dinaikan untuk memulakan acara.	Peserta ketiga akan bergerak ke lokasi dan akan menarik beban yang tersedia setinggi 10 meter (ditandakan ketinggian). Kaedah menarik tali adalah bebas.
GERAK KERJA	
	
Setelah bendera hijau di P2 diangkat, peserta ketiga perlu menarik tali yang diikat pada beban sehingga ketinggian 10 meter. Setelah penanda pada tali mencapai jarak 10 meter, peserta ketiga perlu menekan loceng supaya peserta ke empat di P4 memulakan acara.	


GERAK KERJA UNTUK KAWAD FIRE FIGHTER'S COMBAT CHALLENGE

(P4 - HERCULES : PESERTA NO.4)


	
Peserta keempat akan berada 5 meter di belakang garisan permulaan dengan berpakaian operasi pemadaman lengkap dan menyandang alat pernafasan bersama.	Peserta keempat akan bergerak ke tugas pertama setelah bendera hijau dinaikan tanda bermula acara dengan mengambil dan membawa tong <i>jerry can</i> seberat 40 kg keseluruhan dan membawanya ulang alik sejauh 15 meter.
GERAK KERJA	
	
Seterusnya apabila sampai peserta meletakkan <i>jelly can</i> tersebut dan terus bergerak untuk mengangkat alat pemadam api seterusnya membawanya ulang alik sejauh 30 meter.	Seterusnya apabila sampai peserta meletakkan alat pemadam api dan terus menuju ke tempat loceng disediakan serta membunyikan loceng untuk menamatkan acara.

LAMPIRAN A

LAKARAN PERTANDINGAN



Commented [u11]: Susunan tempat terpulang mengikut negeri. Tetapi wajib mematuhi radius jarak di antara garis mula ke setiap permulaan acara.



LAMPIRAN B

SENARAI PERALATAN

PERALATAN PAKAIAN PERLINDUNGAN PENUH (*PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT*) DAN SCBA

GAMBAR PERALATAN	BUTIRAN PERALATAN
1. PPE (Personal Protective Equipment) 	i. Helmet Api Terbaru (Merah/Putih) jenis Dräger. ii. Sarung Tangan Api (<i>Fire Glove</i>) yang dibekalkan oleh Jabatan tanpa dibuang <i>inner</i>. iii. Baju Api Lengkap Terbaru jenama Protek iv. Set Alat Pernafasan Jenis Dräger Lengkap beserta <i>Face Mask</i> dan <i>Backplate</i> yang berkapasiti udara >80% v. <i>Full Body Harness</i> vi. Kasut jenis Jolly
2. Set Alat Pernafasan 	KEMASKINI a. Kedudukan peralatan PPE perlu berada di <i>center of the line</i> garis 5 meter di P2.

- b. PT boleh membantu untuk menyusun PPE jika kawasan untuk menyusun peralatan PPE tidak luas.
- c. PPE perlu berada dalam keadaan terlerai dan perlu dipakai dengan kemas mengikut SOP pemakaian ketika perlaksanaan Operasi Kebombaan.

LAMPIRAN C

PERALATAN PERTANDINGAN

ACARA	PERALATAN	BUTIRAN PERALATAN	KUANTITI	BUTIRAN PERSEDIAAN PERALATAN
FIRE FIT CHALLENGE		i. Kon Keselamatan ii. <i>Measuring Tape</i> iii. Hos Hantaran 2 ½ wanita/lelaki	2 Unit 1 Unit 1 Unit	1. Ukur Jarak garis lurus sepanjang 30 Meter dengan menggunakan pita pengukur 2. Letakkan kon penanda pada garisan permulaan dan pada jarak 30 meter.

LADDER CHALLENGE



- | | | |
|---|--------|--|
| i. Hos Hantaran 2 ½ (Lelaki) tidak kurang 30 meter | 1 Set | 1. Hos perlu diikat dengan menggunakan teknik <i>Denver Hose Pack</i> sepanjang 1.5 meter. |
| ii. Hos Kecil 1 ¾ (Wanita) – tidak kurang 30 meter | 2 Unit | 2. <i>Single Pulley</i> perlu dipasang pada bahagian atas menara hose bagi memasang tali keselamatan |
| iii. <i>Static Kernmantle Rope</i> 11 mm (50 Meter) | 2 Unit | |
| iv. <i>Single Pulley (PMP)</i> | 1 Unit | 3. Tali diikat pada bahagian tengah tangga kepada menara hos bagi tujuan kestabilan tangga. |
| v. <i>Webbing</i> | 1 Unit | |
| vi. Tali Prusik 6 mm | 1 Unit | 4. Peserta perlu memakai <i>harness</i> jenis CMC sebelum memulakan ujian. |
| vii. Tangga 464 | | 5. Anak tangga ke 40 perlu ditanda. |



TOWER CHALLENGE



- | | | |
|--------------------------------|--------|--|
| i. Static Kernmantle Rope 11mm | 1 Set | 1. <i>Single pulley</i> perlu dipasang pada atas menara hos pada jarak ketinggian 15 meter sebagai <i>anchor</i> . |
| ii. <i>Single Pulley</i> (PMP) | 1 Unit | |
| iii. Prusik 6mm | 1 Unit | |
| iv. <i>Anchor Sling</i> | 1 Unit | |
| v. Tong Buih 20kg (Lelaki) | 1 Unit | 2. Tali prusik diikat pada pulley dan tali sebagai sistem pembrek. |
| vi. Tong Buih 10kg (Wanita) | 1 Unit | 3. Tali diikat pada tong dengan kaedah ikatan dan simpulan <i>timber hitch</i> . |
| | | 4. Seorang pegawai teknikal perlu berada atas menara hos berdekatan sistem <i>anchor</i> untuk melepaskan sistem pembrek untuk |

menurunkan *jerry*
cansetelah wisel tamat
dibunyikan.

5. Tong buih perlu ditimbang
berat hingga mencapai
berat 20kg untuk lelaki atau
10kg untuk wanita.

HERCULES CHALLENGE



- i. Tong Foam:

20 Kg (Lelaki)

2 Unit

10 Kg (Wanita)

2 Unit

- ii. Kon Keselamatan

- iii. Alat Pemadam Api 9kg

2 Unit

2 Unit

1. Ukur jarak garis lurus
sepanjang 15 meter dan 30
meter dengan
menggunakan pita
pengukur.
2. Letakkan kon penanda pada
garisan permulaan, jarak
15 meter dan 30 meter.
3. Tong foam perlu ditimbang
berat mengikut jantina
peserta.

SENARAI PERALATAN
KAWAD FIRE FIGHTER'S RELAY CHALLENGE
PERALATAN PENGADILAN



2 Unit *Stop Watch*



1 Unit *Wisel*



2 Unit *Clip Board*



1 Unit *Measuring Tape*



10 Unit *Loceng*



10 Unit *Bendera Hijau*



10 Unit *kon penanda*

